



Perjalanan beribu langkah bermula dari langkah pertama...

TRANSFORMASI BERMULA DARI SAYA



7 IPMA: Terapkan Integriti kepada Warganya

10 Jadilah Orang Yang Berintegriti

12 Diari I.O : Tergamak Abang bagi makan ...



Sidang REDAKSI

PENERBIT

Tan Sri Abu Kassim Mohamed

PENERBIT ESEKUTIF

Datuk Sutinah Sutan

PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL

Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil

KETUA EDITORIAL

Samsul Salip

EDITOR

Muhammad Yusof Bahir

WARTAWAN

Faridah Mahabob

KETUA REKABENTUK GRAFIK

Lee Cheng Teik

UNIT FOTO

Rosman Abu Bakar

Muhammad Multazam Mohd. Shuhaini

UNIT PENGEDARAN

Azizi Arifin

Yusof Mohamad Saberi

BULETIN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

kandungan

KANDUNGAN/ SIDANG REDAKSI	02
PENA PENGARANG	03
Transformasi Bermula dari saya	04
Perkongsian Ilmu Pemangkin Transformasi SPRM	05
IPMA Terapkan Elemen Integriti kepada seluruh Warganya	06
Team Building 2013- Pemangkin Semangat Berpasukan	07
Lensa SPRM	08
Jadilah Orang yang Berintegriti	10
Tergamak Abang bagi kami makan	12
Ketua Pesuruhjaya SPRM dikurniakan PSM	13
Teruskan Sokong SPRM	14
TIDBITS	15

PERCETAKAN Armnet Integrated Sdn. Bhd. No.38 Jalan Pekaka 8/4, Seksyen 8, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor. **TEL** 03-89641258 **FAKS** 09-89641258

PENERBIT/ PENGEDAR/ PROMOSI Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Aras 4, Blok D6, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Peti Surat 6000, 62007 Putrajaya.

Buletin SPRM diterbitkan oleh Seksyen Penerbitan dan Promosi Media, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan berkonsepkan "Informasi Dikongsi Rasuah Dihindari". Artikel-artikel dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi penulis, bukan dasar atau kenyataan rasmi SPRM dan tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Buletin ini diedarkan secara percuma kepada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta dan perpustakaan IPTA/ IPTS seluruh negara.

BULETIN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Menjana Minda Transformasi

“ Bagi mereka yang mahu berubah, Transformasi adalah satu cabaran dalam melaksanakan perubahan imej dan pendekatan cara kerja. ”



Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil
Penasihat Eksekutif Editorial

Kepada warga SPRM, untuk berubah kepada sesuatu yang lebih baik dan cemerlang, organisasi dan individu di dalamnya harus berani berubah. Berubah minda, sikap, perlakuan dan budaya kerja sesuai dengan kehendak dan peskitaran semasa. Berubah selaras dengan keperluan tugas dan harapan rakyat.

Justeru, untuk berubah sepenuhnya, kita mesti berani dan bersedia untuk ditransformasi. Walau pun sukar akibat halangan mental kerana konsepsi yang telah terbentuk sekian lama, mahu atau tidak, suka atau benci, tanpa kompromi, setiap warga SPRM harus dapat menyesuaikan diri dengan transformasi. Usaha membentuk negara sifar rasuah adalah mustahil sekiranya minda kita tidak bersedia untuk ditransformasi.

Usaha melaksanakan transformasi pula harus membabitkan seluruh warga. Tanggungjawab menjayakannya bukan terletak di bahu pengurusan semata-mata, tetapi membabitkan seluruh anggota. Komitmen ini perlu bermula dari dalam diri setiap individu. Tanpa komitmen, agak sukar untuk melihat hasil yang positif. Ia akan sentiasa menolak pembaharuan yang baik terhadap diri, organisasi mahu pun negara,

Sebaliknya jika semua orang mempunyai kesedaran dan kemahuan untuk menyokong dan menjayakan transformasi yang sedang kita lakukan ini, ia akan bergerak sebagai satu pasukan yang kuat dan berupaya membentuk momentum transformasi yang memberangsangkan.

Transformasi bagi sebuah organisasi bukan semata-mata berlandaskan kemajuan fizikal seperti memiliki bangunan baru, peralatan canggih atau anggota yang ramai, tetapi merangkumi modal insan yang berdaya tahan dan kompetitif bagi menggerakkan agenda transformasi yang berkesan, dengan setiap anggotanya memiliki kompetensi dan potensi yang

mampu menzahirkan keberhasilan transformasi berskala besar, seiring dengan kemahuan rakyat yang mahu melihat agensi ini sebagai sebuah badan bebas, cekap, telus dan berakuntabiliti.

Sebab itu kita perlu transform. Transform menjadi sebuah organisasi dan individu yang profesional. Profesional dalam tindakan mahu pun cara berfikir. Profesional selaras dengan jenama SPRM itu sendiri yang membawa misi besar dalam membanteras jenayah rasuah yang semakin hari semakin mencabar kemampuan kita.

Kita tidak boleh lagi berada ditakuk lama, statik dan menunggu maklumat datang kepada kita. Perlakuan jenayah rasuah semakin berani. Bergerak secara bersindiket dan dipimpin individu yang berpengaruh. Kutipan rasuah dibahagi sama rata. Berlaku di setiap kawasan, daerah dan sempadan negara.

Bagi mereka yang mahu berubah, transformasi adalah satu cabaran dalam melaksanakan perubahan imej dan pendekatan cara kerja.

Keupayaan menyesuaikan diri dengan setiap perubahan baik dari segi operasi, modal insan mahu pun aktiviti pencegahan, adalah lambang keunggulan anggota SPRM yang sentiasa responsif, releven, cekap, cepat dan bermotivasi tinggi.

Sebab itu kita perlu bersedia dan berfikiran terbuka. Lima resolusi hasil perbincangan dan telah pun dipersetujui bersama di Konvensyen SPRM 2013 dari 6 hingga 10 Jun baru-baru ini perlu dimulakan pelaksanaannya supaya dasar dan halatujunya organisasi dapat direalisasikan.

Kita mesti budayakan kerja berpasukan yang menekankan toleransi, kerjasama, rasa tanggungjawab dan patuh kepada arahan, supaya ia bertambah kukuh dan berjalan berterusan tanpa ada rasa prasangka negatif.

Pandangan pelbagai pihak kita terima sebagai cadangan dalam menambahkan proses kerja lebih cemerlang ke arah impak yang positif selain dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM.

“ Setiap kita mesti bersedia untuk membina bersama struktur organisasi yang lebih dinamik dan berdaya saing dengan kemahiran dan kecekapan berteraskan teknologi terkini yang mampu meningkatkan keupayaan organisasi.

Jadikan diri kita sentiasa bersikap inginkan perubahan dengan menjadikan perancangan dan tindakan cemerlang dalam berkerja sebagai satu budaya agar visi menjadikan SPRM sebuah organisasi terunggul tercapai.

Oleh itu, niatkan dan sematkan slogan ini dalam minda dan hati kita—

‘TRANSFORMASI Bermula Dari Saya’.

- Tegak dalam mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika jabatan; dan
- Adil dalam membuat keputusan serta melaksanakan tindakan mengikut lanas undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.



Datuk Low Seng Kuan melafaz ikrar bersama Pengurusan Tertinggi SPRM. Dari kiri Datuk Zakaria Jaffar, Tan Sri Abu Kassim, Datuk Mohd. Shukri Abdull dan Datuk Sutinah Sutan.

BULETIN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

tinggi yang tidak cukup ruang untuk dinyatakan disini, diyakini akan meningkatkan keyakinan orang ramai untuk terus memberi kepercayaan dan sokongan kepada SPRM.

Bagi mengubah gagasan, budaya, nilai dan sikap. Pembangunan modal insan dirancang secara rapi menerusi peningkatan kemahiran dan kecekapan khususnya dalam kepakaran teknikal ke arah melahirkan modal insan yang mantap dari segi ilmu pengetahuan dan integriti. Penstrukturan perjawatan dan keanggotaan juga sentiasa dikemaskini.

Bertemakan 'Ke arah Penambahbaikan'. Mulai 2013 pendekatan dan strategi pencegahan dipertingkat dan diperluaskan bagi menghasilkan outcome yang lebih jelas, berkesan dan diterima pakai oleh pelanggan. Tumpuan program pencegahan terhadap sektor swasta, kalangan orang politik, masyarakat awam dan pelajar diseimbangkan dengan sektor awam.

Berpendukan enam teras perkhidmatan yang telah dirangka, konsep kerja berpasukan akan digerakkan bagi menyiapkan kerja dalam tempoh singkat.

Penglibatan program pencegahan di sektor swasta akan dipergiat selaras hasrat Perdana Menteri yang mahukan sektor swasta mengamalkan 'corrupt free business transaction'.

Kerjasama dengan rangkaian media diperluas agar mesej dari SPRM dapat disampaikan dengan tepat dan cepat. Ini penting bagi meningkatkan keyakinan seterusnya mengubah kritikan dan persepsi negatif masyarakat.

Langkah seterusnya, berusaha mendidik dan meraih sokongan politik yang kritikal dengan merudumnya keyakinan umum, imej dan persepsi rasuah di Malaysia.

Masyarakat awam akan dilibatkan sepenuhnya melalui program lebih terancang ke arah membentuk kumpulan ini supaya bersama memainkan peranan sebagai pemerhati.

Manakala masyarakat pelajar akan diberi perhatian khusus melalui penambahbaikan kurikulum pencegahan rasuah agar maklumat dan pengetahuan tentang isu rasuah dapat dihayati sepanjang masa.

Sehingga kini, kesan dari pendekatan dan strategi transformasi ini telah dapat dirasai, perkembangannya bukan sahaja dapat dilihat di dalam negara, malah turut diiktiraf dan dikongsi bersama masyarakat antarabangsa. Model pencegahan rasuah di Malaysia dianggap berkesan dan antara yang terbaik di dunia.

Antara impak transformasi: Kadar sabitan kes rasuah meningkat, semua pejabat SPRM dilengkapi bilik temu bual berveideo (VIR), tempoh siasatan lebih cepat, pengurusan maklumat lebih

sistematis, penubuhan Bahagian Forensik, penyertaan tenaga pakar dalam pelbagai bidang bagi membantu siasatan dan meningkatnya tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM.

Ibarat larian maraton, proses transformasi memerlukan ketahanan mental dan fizikal. Ia memerlukan masa, kesungguhan dan kekuatan. Bagi setiap anggota SPRM, ikrar ini menjadi pegangan – Transformasi bermula dari saya.

Pelbagai penambahbaikan dilakukan merangkumi aspek struktur organisasi, proses, dasar, peraturan dan pengurusan modal insan.

Jawatankuasa Eksekutif Transformasi (JET) yang ditubuhkan pada bulan Julai 2011 dengan fungsinya mengkaji, memeriksa dan menasihati pengurusan tertinggi SPRM, menjadi penerak utama transformasi khususnya pelaksanaan Pelan Strategik meliputi pelbagai penambahbaikan susulan cadangan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai kematian Teoh Beng Hock.

Sehubungan itu, bagi memastikan transformasi SPRM benar-benar tercapai, Pasukan khas dibentuk bertujuan

Melakukan perubahan atau apa yang dipanggil 'transformasi' merupakan keperluan bagi setiap organisasi yang berhasrat menjadi entiti unggul, khususnya dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan negara. Justeru transformasi yang ingin dilakukan mestilah benar-benar mampu mengubah bentuk dan penampilan secara holistik, supaya keberhasilan transformasi dapat menzahirkan impak berskala luas merangkumi seluruh organisasi itu.

Demikianlah yang sedang dilakukan oleh SPRM sekarang ini. Sebagai sebuah badan Bebas, Telus dan Profesional, transformasi menjadi agenda utama

TRANSFORMASI BERMULA DARI SAYA

Muhammad Yusof Bahir/ Faridah Mahayob

kepimpinan Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya yang telah menerajui suruhanjaya ini sejak 1 Januari 2010.

Di bawah kepimpinannya, transformasi bukan sekadar membuat sedikit penambahbaikan atau perubahan dalam aspek tertentu, tetapi melakukan perubahan yang signifikan yang memberi impak kepada kehidupan masyarakat dan negara.

Dengan slogan 'Transformasi Bermula Dari Saya', apa yang sedang warga SPRM lalui kini adalah transformasi terhadap tanggungjawab, selaras dengan visinya iaitu mewujudkan masyarakat Malaysia bebas daripada rasuah, selain menjadi agensi pembanteras rasuah yang profesional dan unggul.

Seterusnya transformasi terhadap tugas selari dengan misi dan aspirasi menghapuskan jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan, serta mengukuhkan integriti dan mengubah persepsi masyarakat Malaysia.

Setelah tiga tahun melalui pelbagai cabaran dan halangan dalam memenuhi tanggungjawab membanteras jenayah rasuah, dan ketika warganya telah dapat menyesuaikan diri dalam transformasi yang masih berterusan, tahun 2012 menjadi titik tolak bagi SPRM meneruskan fasa transformasi yang masih panjang khususnya dalam tugas operasi.

BULETIN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Perkongsian Ilmu PEMANGKIN TRANSFORMASI SPRM

Norrita Yaakob

Dalam meneruskan kelangsungan agenda transformasi yang sedang dilaksanakan SPRM, jalinan kerjasama di setiap sektor samada pencegahan, operasi mahupun lain-lain sektor perlu dieratkan supaya transformasi yang dilaksanakan membuahkan hasil dan mencapai matlamat yang diharapkan.

Sepertimana transformasi dalam sektor operasi dan modal insan sebelum ini, aktiviti Pencegahan juga perlu ditransformasi bagi menjayakan matlamat dan aspirasinya, iaitu meningkatkan tahap keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat Malaysia dan antarabangsa ke atas keberkesanan SPRM dalam mencegah rasuah berasaskan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme.

Sebab itu, setiap sektor di SPRM digalakkan bekerjasama secara 'perkongsian ilmu' (sharing of knowledge) di antara satu sama lain, khususnya sektor operasi dan pencegahan dengan menggunakan pendekatan konsep strategi lautan biru (Blue Ocean Strategy) supaya setiap matlamat yang ingin dicapai akan menjadi lebih mudah dan berkesan.

Dalam hal ini, perkongsian ilmu bermaksud perkongsian hasil kerja mengikut bidang tugas masing-masing merangkumi elemen informasi, cabaran, faktor-faktor kejayaan, serta data-data yang boleh membantu meningkatkan proses pencapaian keberhasilan kerja di sektor atau lain-lain bahagian di SPRM. Langkah ini perlu bagi memastikan pelaksanaan tugas yang disasarkan memberi impak yang besar dan efektif ke arah mencapai objektif dan misi SPRM.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan SPRM, Datuk Sutinah Sutan ketika membentangkan kertas kerjanya 'Hala Tuju Transformasi Pencegahan' di Konvensyen SPRM 2013 pada 10 Jun lepas menyarankan semua warga SPRM memainkan peranan penting dalam pelaksanaan transformasi ini.

Ini kerana proses transformasi memerlukan penglibatan secara menyeluruh dari setiap warga. Selama ini, tugas-tugas yang dilaksanakan hanya mengikut pengkhususan kepada bidang tumpuan masing-masing. Hasilnya kejayaan terhadap sesuatu tugas yang dilaksanakan itu tidak diketahui oleh 'stakeholder' atau masyarakat umum.

Sebagai contoh, kejayaan melaksanakan siasatan kes berprofil tinggi, kejayaan menyiapkan kes dalam masa yang singkat, dan peningkatan statistik tangkapan menjadi tidak bermakna jika ianya tidak dihebahkan kepada stakeholder yang kebanyakannya sering menjadi 'pengkritik' dalam mengadili keberkesanan SPRM.

Disinilah sebenarnya peranan sektor pencegahan, iaitu mendokumentkan kejayaan dan memastikan maklumat yang tepat dan terkini dapat disampaikan kepada 'stakeholder'. Seterusnya merekodkan kejayaan itu bagi merangka strategi pencegahan yang lebih menyeluruh, tepat dan efektif ke arah mencapai impak maksima, selain menjadi rujukan dan perkongsian tatacara amalan terbaik (best practices) yang boleh di gunapakai di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sebagai contoh, kejayaan sektor operasi menjalankan siasatan menggunakan kaedah Task Force Based Investigation, kini diadaptasi sebagai satu agenda dalam cabang transformasi pencegahan yang dikenali sebagai Task Force Based Inspection.

Setakat ini, transformasi pencegahan masih lagi berada dalam fasa pertama. Prosesnya akan berlarutan sehingga penghujung Mac 2014. Semua warga SPRM mesti terlibat dengan transformasi yang sedang dilaksanakan ini. Bermula dengan perubahan diri baik dari segi minda mahupun semangat sebagai sokongan padu demi memastikan matlamat transformasi SPRM tercapai.



Datuk Paul Low Seng Kuan dan Tan Sri Abu Kassim melawat pameran Transformasi ketika berlangsungnya Konvensyen SPRM 2013 di Putrajaya.

IPMA TERAPKAN ELEMEN INTEGRITI KEPADA SELURUH WARGANYA



Datuk Seri Shafie Apdal (tengah) selepas perasmian perlawanan SPR IPMA. Turut kelihatan Tan Sri Abu Kassim (tiga dari kiri), Datuk Ibrahim Muhamad (empat dari kiri) dan Datuk Ibrahim Ahmad (empat dari kanan).

Majlis Amanah Rakyat (MARA) mengambil inisiatif menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) di semua institusi pendidikannya bagi memberi penekanan terhadap kepentingan integriti kepada warganya termasuk warga pendidik sebagai teras dalam membangunkan modal insan yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Melalui kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM), 112 orang kounselor, tenaga pengajar, pelajar dan pihak pengurusan Institut Pendidikan Mara (IPMA) diberi pendedahan dan pengetahuan mengenai aspek integriti dan pendidikan pencegahan rasuah dalam sesi Training of Trainer (TOT) yang diadakan dari 28 hingga 31 Mei 2013 di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) Persiaran Duta.

Selaras dengan perkembangan institusi pendidikannya yang kini berjumlah 350 buah institusi di seluruh negara termasuk UniKL, Kolej Poly-Tech MARA, Kolej Profesional MARA, German Malaysia Institute, Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Kolej MARA dan Institut Kemahiran MARA, usaha mewujudkan platform yang lebih kukuh disemua IPMA ini merupakan kempen pencegahan rasuah yang lebih sistematik, bersepadu dan berterusan melalui pendekatan yang lebih efektif dalam setiap

program yang akan dilaksanakan kepada pelajar, bertujuan menerapkan nilai integriti dan budaya anti rasuah dalam jiwa mereka sebelum melangkah ke dunia pekerjaan.

Majlis Perasmian Pelancaran SPR IPMA di Auditorium IIM, Persiaran Duta pada 31 Mei itu disempurnakan Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Datuk Seri Shafie Apdal.

Hadir sama Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abu Kassim Mohamed. Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Datuk Ibrahim Muhamad dan Ketua Pengarah MARA Datuk Ibrahim Ahmad.

Menurut Shafie, "kejayaan yang dilakukan MARA dengan menempatkan pegawai SPRM sebelum ini menunjukkan komitmen MARA bukan sekadar bercakap tetapi kita lakukan dan kita buktikan."

Di majlis yang sama Abu Kassim menjelaskan, melalui program ini pelajar-pelajar IPT dapat didedahkan kepada program-program pencegahan rasuah dan berharap penyertaan mahasiswa dalam sekretariat ini akan menjadikan mereka sebagai penyampai mesej anti rasuah kepada warga kampus dan masyarakat amnya.

“Inisiatif MARA bersama SPRM selaku penasihat kepada program ini merupakan usaha murni yang perlu diperluaskan dalam menyumbang kepada peningkatan profesionalisme dan tahap kecekapan institusi pendidikan di MARA.”

Datuk Seri Mohd. Shafie bin Haji Apdal
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



TeamBuilding 2013 PEMANGKIN SEMANGAT BERPASUKAN

Sukan boleh dianggap sebagai instrumen berkesan dalam merapatkan hubungan, mewujudkan kerjasama, mengekalkan setiakawan, memupuk semangat berpasukan dan toleransi di kalangan pegawai dan kakitangan sesebuah jabatan atau kementerian.

Malah jika dilakukan secara berterusan, aktiviti sukan bukan sahaja baik untuk kesihatan fizikal dan mental, tetapi mampu mengurangkan tekanan emosi seterusnya membentuk karakter seseorang.

Penganjuran Team building SPRM 2013 yang berlangsung dari 8 hingga 9 Jun 2013 di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil bukan sahaja menjadi medan menguji semangat kesukanan, bahkan menjadi pemangkin kepada usaha memupuk kesedaran warganya mengenai kepentingan amalan gaya hidup sihat yang secara tidak langsung akan melahirkan individu lebih cergas dan berdaya saing selain dapat meningkatkan prestasi kerja dan produktiviti.

Selari dengan matlamat suruhanjaya ini yang menekankan semangat kerja berpasukan,

program ini bertujuan melahirkan semangat kekitaan dan muafakat dalam satu pasukan untuk meraih kejayaan dan membentuk daya kepimpinan unggul ke arah meningkatkan kewibawaan organisasi.

Dalam ucapannya di majlis makan malam dan penyampaian hadiah di Hotel Everly, Putrajaya. Ketua Pesuruhjaya Tan Sri Abu Kassim Mohamed menyarankan setiap pegawai dan kakitangan SPRM sentiasa mempunyai stamina terbaik dengan cara meneruskan aktiviti riadah.

Sukan juga penting bagi mengeratkan perhubungan sesama pegawai. Golongan muda pula diseru untuk terus menceburi bidang sukan supaya bakat pelapis dapat dikenalpasti.

Dengan penuh semangat beliau berkongsi kata-kata hikmat ini **“YOU CANNOT WIN IF YOU'RE ALONE...YOU MAY BE THE BEST BUT YOU MUST MAKE SURE THAT YOUR FRIEND CAN PERFORM BETTER TO BRING YOUR ORGANISATION TO THE HIGHEST ACHIEVEMENT”.**

Enam pasukan zon bersaing mengungguli 14 acara sukan yang dipertandingkan sepanjang program Teambuilding kali ini iaitu boling kuartet, boling individu lelaki dan wanita, pingpong, sepak takraw dan sepak raga bulatan, badminton, dart, bola jaring, bola tampar lelaki dan wanita, bola sepak dan futsal. Manakala kategori VIP bersaing dalam acara boling, bola tampar, badminton dan ping pong.


Zon Ibu Pejabat B sekali lagi menjuarai Teambuilding 2013 dengan mengumpul 43 mata. Naib johan disandang Zon Ibu Pejabat A dengan 38 mata, ketiga Zon Selatan (31), keempat Zon Utara (16), kelima Zon Tengah (14) dan tempat terakhir ialah Zon Timur dengan punggutan 12 mata.

Yang jelas, wujudnya esprit de corp di kalangan pegawai SPRM sepanjang berlangsungnya Teambuilding 2013 ini menunjukkan kejayaan transformasi secara menyeluruh bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai.

Apa nak buat ni ya...? Peserta TOT sedang berbincang dalam aktiviti kumpulan.



Senyumlah sikit...



Oops..baik-baik jangan sampai jatuh...



Antara peserta IPMA yang mengikuti Training of Trainers (TOT) di MACA



Ini baru betul Team Building...



Janganlah tarik baju...


Ustaz Kazim Elias (kiri) menerima cenderahati dari Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed sebaik sahaja selesai sesi ceramah yang beliau sampaikan di konvensyen SPRM 2013



Jangan main siku...



Ketua Pengarah MSN, Datuk Seri Zolkples Embong (Baju putih) antara tetamu khas yang hadir di Team Building SPRM 2013. Turut kelihatan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed (tiga dari kiri) dan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Dato Shamshun Baharin (kiri).



Yahoo... Team Kita MENANG!! Sorakan penyokong yang meraikan kejayaan pasukannya dalam Team Building SPRM 2013

Jadilah orang yang BERINTEGRITI

Muhammad Yusof Bahir



© MALAYSIAN ANTI-CORRUPTION COMMISSION

Walau apa pun yang ingin kita jadi, sama ada pemimpin, pengurus, pentadbir, peniaga, ahli politik, pekerja, peladang atau apa pun kita, jadilah seorang yang berintegriti. Orang yang berintegriti akan sentiasa mengamalkan dan menghayati nilai-nilai moral seperti kepercayaan kepada Tuhan, amanah dan jujur.

Integriti berkait dengan akhlak. Ia sesuatu yang sempurna yang mendukung sifat-sifat amanah, jujur, ikhlas, tulus dan telus. Berkelakuan mulia juga merupakan sikap berintegriti.

Kebanyakan kita mengaitkan kelemahan integriti hanya dalam soal rasuah, penipuan,

berintegriti. Seorang Pengawal Keselamatan atau penyambut tetamu yang sentiasa tersenyum terhadap orang yang datang untuk berurusan di pejabatnya, menunjukkan mereka berintegriti. Tidak membuang sampah merata-rata tempat walau pun tiada orang yang melihat juga satu integriti.

Tidak mencarut, mengadu domba, maki hamun atau memfitnah orang dalam laman facebook, twitter dan sebagainya juga melambangkan manusia berintegriti.

Integriti suatu sifat murni yang sering dikaitkan dengan kejujuran dan kejituan. Seseorang

kuasa, rompak, cabul, langgar lampu merah atau apa juga yang menjurus kepada salah laku negatif tidak akan berleluasa. Dalam pentadbiran pula, sistem penyampaian perkhidmatan bertambah cekap, tadbir urus dan etika perniagaan dapat dipertahankan manakala institusi keluarga, komuniti dan kualiti hidup masyarakat akan lebih sejahtera.

Masalahnya, untuk membina sebuah masyarakat yang beretika dan berintegriti dimana warganya mempunyai nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi budi perkerti yang mulia bukanlah semudah kata-kata.

masyarakat dan negara. Justeru ibu bapa harus mendidik dan mencorakkan kehidupan anak-anak dengan nilai-nilai baik. Ia adalah elemen penting ke arah membentuk sahsiah, imej dan jati diri kepada generasi baru. Jika nilai keluarga dalam masyarakat Malaysia yang masih kukuh ini dapat dimanfaatkan, struktur negara akan menjadi sempurna.

Sekolah dan institut pengajian tinggi juga perlu terus memainkan peranan. Pendidikan moral dan etika mesti disemai dan dipupuk sepanjang masa hingga dapat membentuk sikap dan budaya. Integriti perlu menjadi sebahagian dari pendidikan.

Malah di tengah masyarakat yang semakin rakus dan mementingkan kebendaan, selain usaha yang sentiasa dilakukan Institut Integriti Malaysia melalui Pelan Integriti Nasional, pelbagai institusi lain dan badan-badan bukan kerajaan harus bersama menyumbang tenaga dan idea dalam membantu memantapkan integriti, khususnya di kalangan kepemimpinan politik, pengurus, pentadbir, kakitangan awam dan swasta seterusnya orang ramai.

Mutakhir ini, saban hari kita dihidangkan dengan berita yang mengaitkan skandal koporat, rasuah skala besar, penyelewengan dana, ketirisan bantuan, pecah amanah, penipuan peruntukan dan pembelian malah banyak lagi jenayah moden yang menggambarkan wujudnya ciri-ciri masyarakat maju, tetapi tidak berintegriti.

Apakah ini petanda elemen integriti di kalangan kita semakin lemah. Orang tidak lagi merasa malu melakukan rasuah. Malah melakukannya secara terbuka. Tidak takut dengan hukuman. Bahkan sesetengahnya merasa bangga jika perlakuan buruknya tidak dapat dibuktikan.

Akibatnya, jenayah lain turut berkembang. Penyelewengan dalam syarikat-syarikat berkaitan kerajaan tidak ada yang kurang dari satu juta, penipuan berleluasa, jenayah senjata api meningkat, dadah banyak dipasaran, rokok dan mercun seludup diniagakan secara

terbuka.

Judi haram, rumah urut tidak berlesen, sindiket pelacuran beroperasi tanpa rasa takut. Hari ini diserbu, esok beroperasi semula. Gara-gara penguatkuasa yang tidak berintegriti, serbuan sering kali gagal kerana pemilik atau pengusaha premis sudah tahu operasi akan dijalankan.

Disesetengah sempadan dan pelabuhan negara. Diesel, petrol, beras, minyak masak, gula dan pelbagai barangan bersubsidi kelihatan sangat mudah keluar dari negara ini angkara wujudnya manusia tidak berintegriti.

Lebih parah lagi, pendatang tanpa izin sewenang-wenangnya hidup dalam masyarakat tempatan. Malah berani melakukan pelbagai jenayah tanpa rasa takut. Dengan sedikit kutipan bulanan, ada penguatkuasa yang bukan sahaja memejamkan sebelah mata, tetapi kedua-dua mata.

Kerendahan akhlak yang sekali gus memperlihatkan tandusnya integriti seseorang bukan sahaja melibatkan hal-hal keduniaan, sebaliknya perkara-perkara yang berkait dengan urusan keagamaan turut diselewangkan.

Akibatnya mereka yang telah bertahun menunggu giliran menunaikan haji terpaksa mengigit jari gara-gara wujudnya haji ekspres.

Agihan bazar ramadan terus menjadi idaman kepada mereka yang berhak, tetapi tidak mampu untuk membayar harga yang tinggi. Malah seorang Pegawai Pendakwa dari sebuah Jabatan Agama Islam di sebuah negeri tergamak meminta dan menerima rasuah RM5,000 dari seorang anggota polis yang disyaki berkhawat dengan pasangannya.

Itu sekadar beberapa contoh jenayah yang dilakukan oleh manusia yang tidak berintegriti. Bunyinya seperti tidak ada apa-apa dan tidak memudaratkan, tetapi memberi kesan sangat buruk kepada orang lain, menjejaskan

kesejahteraan hidup, menggugat keselamatan, keharmonian dan pertumbuhan ekonomi.

Orang yang tidak berintegriti sebenarnya tidak boleh dipercayai. Orang yang tidak berintegriti sentiasa berkemungkinan melanggar peraturan dan undang-undang, mengkhianati amanah, mungkir janji, mementingkan diri sendiri, bersikap kurang ajar, tidak menghormati orang lain dan sebagainya.

Sebab itu integriti penting bagi kita. Ia bukan sekadar persoalan akademik. Ia berkait dengan nilai murni, ketelusan, akauntabiliti, etika dan sebagainya.

Ia perlu ada pada setiap orang. Ia patut menjadi amalan hidup. Integriti adalah tunjang penting dalam kehidupan seharian terutamanya dalam melakukan tanggungjawab.

Apa sebenarnya integriti?

Integriti adalah melakukan perbuatan yang baik dan betul, walaupun tiada mata yang memandang. Jadilah orang yang sentiasa berintegriti. Tidak rugi jadi orang yang berintegriti.

Integriti bukan sekadar kata-kata tetapi suatu prinsip yang mesti diaplikasikan merangkumi keseluruhan kehidupan termasuk isu-isu asas terutamanya dalam pekerjaan, pendidikan, politik, sosial dan ekonomi. Integriti harus menjadi teras dalam kehidupan kita dan masyarakat.

penyelewengan, salah guna kuasa atau yang berkait dengan wang ringgit, walhal integriti merangkumi seluruh urusan kehidupan. Apa juga yang kita lakukan semestinya yang sentiasa mencerminkan integriti.

Seseorang penjawat awam yang menjaga amanah majikannya, tidak menyalahgunakan aset pejabat, tidak membuang masa, datang dan pulang mengikut masa yang ditetapkan, tidak meminta orang lain tolong punchcard disebabkan selalu sampai lewat, adalah contoh elemen integriti yang dituntut dalam kehidupan kita.

Sentiasa menjaga tatasusila, berakhlak dan berkelakuan mulia juga merupakan satu sikap

yang sentiasa menghormati undang-undang, gemar membantu orang lain, tidak rasuah, tidak menyeleweng harta yang diamanahkan, cenderung kepada keadilan dan menghormati hak-hak asasi kemanusiaan akan menyumbang kepada sahsiah yang berintegriti.

Nilai integriti perlu diamalkan oleh semua peringkat dalam organisasi atau komuniti tanpa mengira kedudukan atau pangkat. Jika semua orang di dalam sesebuah organisasi itu berintegriti, maka mudahlah bagi kita membentuk sebuah komuniti nasional yang bersatu padu.

Jika ini dapat dilakukan, dengan sendirinya gejala rasuah, penyelewengan, salah guna

Seperti mana sukarnya membanteras rasuah dalam masa singkat, Membina masyarakat berintegriti juga memerlukan kesabaran dan semangat kental dengan setiap individu harus ada kecenderungan untuk menjadikan integriti sebagai cara hidup.

Menerapkan integriti di kalangan orang dewasa pula jauh lebih sukar berbanding memupuk nilai-nilai baik ini kepada kanak-kanak yang belum boleh berfikir. Justeru, membina integriti perlu dilakukan bersama dan berlandaskan asas yang kukuh. Melibatkan institusi keluarga, komuniti seterusnya masyarakat sivil.

Kita sedia maklum, keluarga adalah komponen penting dalam proses pembentukan

Tergamak ABANG BAGI KAMI MAKAN

Jinjang Joe

Pendatang Tanpa Izin atau mudahnya disebut sebagai PATI sering kali menjadi mangsa keadaan. Sudahlah ditipu oleh mereka yang kerjanya menyeludup manusia, ada pula penguatkuasa yang tugasnya menjaga keselamatan negara mengambil kesempatan untuk memeras ugut mereka.

Sebagai pegawai penyiasat, kes aku ini melibatkan seorang warganegara seberang, Indonesia. Aku namakannya sebagai Yati. Yati sebenarnya bukanlah PATI pada asalnya. Dia datang dan bekerja secara sah. Melalui saluran yang betul.

Selama berada di negara ini, segalanya berjalan dengan baik sehinggalah pada suatu hari tempoh permit kerjanya tamat.

Di sinilah cerita bermula. Rasuah mengambil tempat sebagai penyelesaian. Penguatkuasa yang diamanahkan menjalankan undang-undang mengambil peluang membuat duit.

Yati bekerja sebagai pembantu rumah kepada seorang usahawan bergelar Datuk. Selama lima tahun bekerja dia tidak mempunyai sebarang masalah. Majikannya juga berpuas hati dengan kerja yang dilakukannya. Namun ketika tempoh sah permit untuk Yati berada di Malaysia hampir tamat, majikannya yang baik hati pula tidak ada masa untuk menguruskan lantaran sibuk dengan urusan perniagaannya. Akibatnya, masalah permit terus terabai.

Malangnya ketika membeli barang di pasar, Yati telah ditahan oleh pihak berkuasa atas kesalahan permit tamat tempoh. Yati merayu kepada pegawai tersebut yang bernama Wahid agar tidak menahannya dan berjanji akan segera memperbaharui.

Pada mulanya Wahid tidak melayan rayuan Yati. Namun selepas berkali-kali dirayu, nafsu jahat mula merasuk diri. Wahid mula merasakan bahawa ini

adalah peluang membuat duit, lalu dia bersedia melepaskan Yati tetapi dengan suatu syarat. Yati mesti menyediakan RM 5,000.00 sebagai balasan untuk tidak menahannya.

Gelabah dengan kesukaran menyediakan jumlah wang yang diminta, Yati menceritakan kejadian tersebut kepada majikannya. Majikannya yang simpati atas apa yang terjadi membawa Yati ke pejabat Badan Pencegah Rasuah (ketika itu dikenali dengan nama BPR).

Yati menceritakan segalanya kepada kami dan selanjutnya membuat laporan rasmi. Aku dilantik sebagai pegawai penyiasat. Mendengar cerita Yati, aku geleng kepala. Alangkah tamaknya manusia hingga sanggup memeras ugut insan-insan yang lemah.

Susulan laporan itu, satu operasi dilancarkan. Sebagai IO, aku jelaskan kepada Yati apa yang patut dia lakukan. Aku pastikan Yati benar-benar faham agar operasi yang dibuat tidak gagal.

Tiba hari yang dirancang, Yati menerima panggilan telefon. Wahid meminta Yati menunggu di rumah. Pada masa sama, beberapa pegawai BPR yang terlibat mengambil tempat masing-masing. Seorang jadi tukang kebun, seorang lagi berlagak mencuci kereta, yang ketiga berlindung di sebalik daun lontar dan yang keempat menanti di simpang jalan.

Masa terus berlalu, namun kelibat Wahid masih tidak nampak. Kereta yang dicuci semakin bersih. Rumput yang ditebas dah hampir selesai. Tiba-tiba anggota BPR yang duduk di simpang jalan memberi isyarat, ada sebuah motosikal yang ditunggang oleh seorang lelaki dan seorang wanita sedang menuju ke rumah usahawan tersebut.

Kami pun menunggu. sayup-sayup kedengaran bunyi motosikal. Namun, tiada kelibat manusia yang kami nampak. Tiba-tiba Yati menerima

panggilan telefon, rupa-rupanya Wahid memakir jauh motosikalnya, lalu sekali lagi kami ingatkan Yati tentang rancangan kami sebelum dia pergi menemui Wahid.

Pintu pagar dibuka. Wahid datang bersama seorang wanita. Yati menyambutnya seperti yang diarahkan. Sebaik duit bertukar tangan, Yati mengundur diri, Wahid ditahan.

Wahid tergamam. Mata terkebil-kebil, lidah kelu untuk berkata. Pucat dan binggung. Wanita disebelahnya juga kelihatan pucat bercampur keliru.

Sebaik sahaja kami menjelaskan kenapa Wahid ditahan, wanita itu mula berang. Wahid dimaki hamun di hadapan kami.

"Tak guna punya laki. Abang kata nak singgah rumah kawan sekejap. Ni sekarang ni apa cerita." "Tergamak abang bagi kami anak beranak makan hasil duit haram. Saya tak sangka abang macam ni. Malu saya ada suami macam abang."

Usai berkata-kata, wanita itu menghempaskan helmet yang dipegang. Dia berlalu pergi meninggalkan Wahid bersama-sama kami. Wahid terduduk menangis.

Dalam perbicaraan, bersandarkan bukti dan keterangan, Wahid didapati bersalah. Malangnya ketika hukuman dijatuhkan, kelibat isteri dan anak-anaknya tidak kelihatan, kecuali ibunya, saudara maranya yang lain juga tidak hadir. Apakah mereka malu dengan perbuatan Wahid?, atau keluarga itu sudah tidak bahagia lagi.

Begitulah kesudahannya orang yang tamak, yang melanggar undang-undang, yang meminggirkan integriti dan yang membelakangkan amanah. Kerana sikapnya, Wahid hilang punca pendapatan. Kasihan keluarganya.

KETUA PESURUHJAYA SPRM DIKURNIAKAN PSM



KUALA LUMPUR 1 Jun – Sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Datuk Seri Abu Kassim Mohamed dianugerahkan Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri.

Diketuai Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa, beliau merupakan antara 1,574 penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan bagi Tahun 2013.

Sejak mengetuai suruhanjaya ini pada 1 Januari 2010, SPRM meraih banyak peningkatan menerusi fasa transformasi pimpinannya khususnya dalam bidang operasi dengan mengukuhkan sistem pengurusan siasatan berkesan.

Pelbagai bidang lain turut ditransformasi merangkumi aspek struktur, dasar, peraturan seterusnya pemerkasaan pengurusan pencegahan dan pendidikan, dan pemantapan pembangunan modal insan.

Di bawah kepimpinannya, pelaksanaan pelbagai inisiatif

berjaya merubah Indeks Persepsi Rasuah (CPI) kepada 4.9 berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu 4.3 pada 2011 dan 4.4 pada tahun 2010. Manakala kajian oleh Universiti Kebangsaan Malaysia mendapati keyakinan masyarakat terhadap keberkesanan SPRM meningkat kepada 64% daripada 42.5% pada tahun 2011.

Anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada kecemerlangan kepimpinan beliau dalam memerangi jenayah rasuah diperingkat akar umbi hingga peringkat tertinggi termasuk ahli politik yang dilakukan secara telus dan tanpa pilih kasih walaupun berhadapan banyak halangan dan tekanan pelbagai pihak.

Dan Pencegahan Rasuah SPRM, Prof Emeritus Tan Sri Dr Lim Kok Wing yang dikurniakan Darjah Panglima Manguku Negara (PMN) yang juga membawa gelaran Tan Sri.

Peningkatan keyakinan ini tentunya selari dengan aspirasi mengubah persepsi masyarakat dalam negara dan antarabangsa terhadap usaha pencegahan rasuah berlandaskan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme yang menjadi tonggak kepada suruhanjaya ini dalam memenuhi tanggungjawab hakikinya membanteras rasuah di negara ini.

Turut menerima anugerah dari Yang di-Pertuan Agong ialah pengasas dan presiden Limkokwing Universiti of Creative Technology yang juga ahli Panel Perundangan



Teruskan SOKONG SPRM

– Paul Low

Jika ICAC Hong Kong mengambil masa 20 tahun untuk mencapai tahap di mana mereka berada sekarang, SPRM yang baru lima tahun penubuhannya tentunya memerlukan sedikit masa lagi kerana proses transformasi masih berterusan. Mereka perlukan sokongan masyarakat.

PUTRAJAYA - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan menyeru semua pihak supaya terus memberi sokongan kepada pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaksanakan tugas membanteras rasuah di negara ini.

SPRM adalah institusi penting dan seluruh rakyat perlu fokus kepada transformasi yang sedang dilakukan oleh agensi itu. Ia bukan sesuatu yang mudah untuk dicapai. Suruhanjaya ini sedang berusaha gigih ke arah penambahbaikan untuk menjadi agensi pembanteras rasuah yang unggul.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Konvensyen SPRM 2013 di Everly Hotel, Putrajaya pada 6 Jun lepas.

Semasa berada dalam badan bukan kerajaan (NGO), beliau mengaku pernah mengkritik SPRM, tetapi selepas dilantik sebagai menteri, beliau dapat melihat dan berasa bangga dengan usaha keras yang sedang dilakukan SPRM.

Sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawab menguruskan integriti dan transparency, beliau percaya dalam masa lima tahun lagi dengan pelbagai inisiatif yang sedang dilakukan ini, SPRM akan menjadi sebuah institusi yang diyakini dan dipercayai rakyat.

Beliau turut memuji inisiatif SPRM yang memantau projek mega negara, My Rapid Transit (MRT). Aspek pencegahan seperti ini perlu dilakukan bagi memantau

berlakunya penyelewengan dan amalan rasuah. Buktinya sehingga hari ini tiada sebarang tohmahan dan maklumat berkaitan wujudnya unsur rasuah dalam projek MRT. Ini menunjukkan adanya keberkesanan dalam aspek pencegahan.

Untuk itu beliau mencadangkan supaya SPRM terus terlibat secara langsung dalam mana-mana projek mega di Malaysia seperti projek Lebuhraya Pantai Timur dengan melantik mereka yang pakar dalam bidang binaan dan kejuruteraan sebagai pemantau projek tersebut.

Dalam ucapan perasmianya sebelum itu, beliau menyeru rakyat Malaysia supaya menyokong kementerian yang sedang berusaha mengubah persepsi masyarakat terhadap kerajaan.

Menurut beliau, perubahan ini akan dimulakan dengan program integriti di semua kementerian dan kepimpinan melalui keazaman politik dan penekanan terhadap aspek tadbir urus yang mengambilkira pandangan umum. Walaupun usaha ini dilihat agak drastik, namun inisiatif ini penting jika Malaysia berhasrat menjadi negara yang menjadi tumpuan pelabur luar.

Bagi mencapai matlamat ini kementerian akan berkerjasama dengan agensi lain seperti Pemandu, NKRA dan SPRM selain badan-badan bukan kerajaan terutamanya TI Malaysia.

Keicarmania benci rasuah

KOTA BHARU - Sempena Ulangtahun ke 7 penubuhannya, Keicarmania sebuah pertubuhan yang mengumpulkan pemilik-pemilik kereta kompak telah mengadakan majlis ramah mesra dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Bertempat di Resort Pantai Cahaya Bulan, seramai 300 orang ahli kelab seluruh negara berkumpul dan berkonvoi dari negeri masing-masing.

Konvoi yang diiringi Polis Diraja Malaysia (PDRM) ini, turut mendapat sokongan syarikat seperti X1R dan kelab-kelab pemotoran seperti Sanrio Garage, Chronix Crew Garage, Nestle Profesional (Wan Cronix Crew), M7 Japan, N.A.Z Corner serta Hazar Chronix Crew. Selain itu, dua pegawai SPRM dari Ibu Pejabat Putrajaya iaitu PPs Nurhida Roslan dan PPs Nurhana Shaari turut serta dalam kembara ini sebagai wakil daripada SPRM.

Walaupun diadakan secara santai, program selama tiga hari ini (24 hingga 26 Mei 2013) menampakkan kesedaran masyarakat mengenai rasuah. Malah ketika sesi soal jawab diadakan pada hari kedua, pelbagai kemusyikilan mengenai rasuah diutarakan ahli-ahli kelab mahupun tetamu yang hadir. Sebagai tanda sokongan kepada SPRM, ahli-ahli kelab menurunkan tandatangan pada kain rentang (banner) yang berslogan "Kami Benci Rasuah". Kain rentang tersebut digantung pada pintu masuk resort untuk tatapan orang ramai. Ia juga menjadi acara penutup bagi kembara ahli-ahli kelab ini.



Sebahagian peserta Keicarmania berkumpul di hadapan banner "Kami benci rasuah" sebagai tanda sokongan kepada SPRM

Warga DBKU diseru tingkatkan integriti, perangi rasuah

KUCHING – Walau pun isu rasuah membabitkan kakitangan awam di Negeri Sarawak berada di paras minimum, warga Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan semua penjawat awam di jabatan dan agensi kerajaan di negeri itu diseru supaya sentiasa berusaha meningkatkan integriti dalam memerangi rasuah.

Saranan ini disuarakan Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Datuk Amar Mohamad Morshidi Abdul Ghani selepas beliau berucap pada majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat 2013 antara Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di Auditorium DBKU pada 17 Mei lepas.

Beliau berkata, segala tugas dan tanggungjawab yang diberi perlu dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang termaktub dalam perlembagaan dan organisasi masing-masing. Ini bermakna aspek integriti perlu dititikberatkan bagi mengelak amalan rasuah, salah guna kuasa dan sebagainya berlaku.

Malah aspek ini bukan sahaja mengenai isu memerangi rasuah tetapi bertujuan mewujudkan penjawat awam yang cekap, bersih dan amanah. Sebab itu, langkah DBKU memperkenalkan ikrar integriti kepada kakitangannya merupakan langkah bijak organisasi berkenaan dalam usaha melakukan penambahbaikan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan mereka.

Menurut Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM Datuk Sutinah Sutan, susulan persefahaman ini, DBKU akan berkerjasama dalam melaksanakan program pencegahan rasuah dan SPRM akan memberi khidmat nasihat terhadap prosedur kawalan dalaman, pematuhan undang-undang, peraturan dan prosedur serta menerapkan budaya 'zero tolerance' di kalangan warga kerja DBKU terhadap rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Pegawai-pegawai DBKU juga dialu-alukan mengikuti program Pegawai Integriti Bertauliah di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dalam merealisasikan aspirasi integriti mereka membanteras gejala rasuah.

Di majlis sama Datuk Bandar DBKU, Datuk Abang Wahap Abang Julai menjelaskan, pihaknya rasa berbangga kerana DBKU merupakan PBT pertama di Sarawak yang menandatangani ikrar integriti. DBKU amat komited dalam aspek integriti dan 'Hari Integriti' yang dianjurkan oleh DBKU bertujuan membentuk dan membudayakan masyarakat dan warga kerjanya.

Beliau berkata, warga kerja perlu berintegriti dan mempunyai keutuhan peribadi tinggi dalam menjamin keberkesanan penyampaian perkhidmatan cemerlang selari dengan misi DBKU.



Usaha pembanterasannya memerlukan sokongan semua pihak. Oleh itu, bersama kita **PERANGI** jenayah keji ini.



BEBAS • TELUS • PROFESIONAL

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Panggilan Talian Bebas Tol kami:

1-800-88-6000

Email: info@sprm.gov.my

Web: www.sprm.gov.my

SMS: 019-6000 696